

KDNK 5.6 peratus lebih baik daripada jangkaan — PM

LUM 28 NOV 2002
Oleh ASUKI ABAS
dan HAIRULAZIM MAHMUD

KUALA LUMPUR 27 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia memperoleh pencapaian lebih baik daripada jangkaan dengan mencatat peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.6 peratus pada suku ketiga tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, rakyat Malaysia harus bersyukur kerana ekonomi negara dapat terus dipertahankan walaupun keadaan ekonomi dunia terjejas akibat kempen menentang keganasan.

"Kita dapat lihat kebanyakan

negara di sekeliling kita dan juga tempat lain yang mengalami (kesan) ekonomi buruk.

"Tetapi Alhamdulillah ekonomi kita baik...yang dapat saya sebutkan ialah pencapaian kita (pada suku tahun ketiga) adalah baik daripada yang dijangka," kata beliau.

● Kenyataan Bank Negara — Muka 21

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Persekolahan dan Aidilfitri Kepada Anak-anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan di Bangunan Tabung Haji di sini hari ini.

Kira-kira 300 anak yatim menerima bantuan daripada pelbagai pihak Islam dan bukan Islam yang menyalurkan sumbangan melalui Tabung Haji.

Terdahulu, Bank Negara Malaysia mengumumkan KDNK Malaysia mencatat pertumbuhan 5.6 peratus pada suku ketiga 2002 berbanding pertumbuhan 3.9 peratus dan 1.1 peratus pada suku kedua dan pertama.

Menurut Perdana Menteri, kegiatan ekonomi dan pergerakan manusia sekarang tersekat kerana dunia berada dalam ketakutan akibat tekanan yang ditimbulkan oleh penganas dan juga mereka yang mendakwa memerangi keganasan.

"Jadi, dalam keadaan dunia menghadapi tekanan ini kita masih mampu memajukan negara sebabnya negara kita ini pada umumnya aman walaupun terdapat pelbagai kaum dan agama.

"Ini adalah hasil usaha secara spontan dan juga usaha secara terancang untuk merapatkan hubungan antara kaum di negara kita," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan dukacita kerana usaha untuk merapatkan generasi muda tidak berjaya seperti yang diharapkan kerana sekolah kebangsaan gagal menarik minat semua kaum.

▲ ■ Lihat muka 4

KDNK 5.6 peratus lebih baik daripada jangkaan — PM

Katanya, pelajar Cina dan India lebih cenderung belajar di sekolah aliran masing-masing manakala pelajar Melayu lebih berminat mendalami ilmu agama di sekolah agama.

"Orang Melayu kata, ajaran agama Islam tidak cukup di sekolah kebangsaan sebab itu lah mereka menghantar anak-anak ke sekolah agama sedangkan sekolah agama tidak mempunyai guru-guru yang terlatih dan memiliki kelulusan rendah.

"Sebahagiannya pula tidak mengajar agama Islam sebenar sebaliknya mereka mengajar tentang politik pihak-pihak tertentu," katanya.

Berikutan itu, tambah Dr. Mahathir, kerajaan menghentikan bantuan kepada sekolah agama rakyat yang didapati mengajar anak-anak membenci kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan juga tidak mahu terlalu ramai pelajar yang pakar dalam bidang agama sehingga mengabaikan bidang pendidikan yang lain sehingga merugikan orang Melayu pada masa depan.

"Islam suruh belajar agama tetapi tidak perlulah semuanya menjadi ulama kerana mereka tidak akan tahu kecekapan dalam bidang-bidang lain," ujar beliau.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan adalah komited untuk mengembangkan syiar Islam di negara ini jadi kelas-kelas agama akan terus diberikan kepada para pelajar termasuk penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi.

"Tetapi kita tidak boleh membenarkan mereka (sekolah agama rakyat)

menarik pelajar dari sekolah kebangsaan untuk diajar di sekolah agama yang tidak ada guru yang cukup dan terlatih," tegasnya.

Perdana Menteri memberi contoh, pengambilan kira-kira 100 orang guru agama baru-baru ini telah menarik permohonan terlalu banyak sehingga kira-kira 4,000 orang permohonan.

Berikutan itu, ramai guru agama menganggur dan akhirnya ada di antara mereka membuka sekolah agama sendiri untuk mengajar agama dan mendapatkan wang daripadanya.

"Dengan itu, tumpuan guru-guru beralih daripada mengajar untuk memberikan ilmu kepada mengajar untuk mendapatkan wang," kata Perdana Menteri.